



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR.

Telefon: 2985176
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR
Telek: MA 28102

Pengarah Kesihatan Negeri

Ruj. Tuan:

Ruj Kami: (16) dlm KKM-87
(P20/40) B.S. 3
Tarikh: 2.7.2001

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan

**Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan 6 /2001.
Penyelarasan Panduan Kemasukan Pesakit Ke Hospital-Hospital Kerajaan.**

1. Tujuan

Surat ini bertujuan untuk menyelaras kriteria kemasukan pesakit ke hospital-hospital kerajaan supaya lebih jelas dan dapat memberi perkhidmatan yang menyeluruh kepada pesakit.

2. Latarbelakang

Pada masa ini kriteria kemasukan pesakit sama ada dari jabatan kecemasan atau jabatan pesakit luar adalah tidak jelas. Kementerian pula banyak menerima aduan dari orang ramai dan keluarga terdekat yang tidak dimasukkan ke hospital walaupun mereka berpendapat sebaliknya.

Keadaan demikian menimbulkan masalah meninggikan tekanan tempat kerja kepada warga kerja kesihatan, ketidakpuasan pesakit, menambahkan masalah penambahan kemasukan yang tidak wajar dan yang penting kemungkinan belaku kesilapan yang memudaratkan yang mana pesakit tenat tidak dimasukkan.

3. Kriteria kemasukan ke hospital

Dengan ini diperjelaskan secara am kriteria untuk kemasukan pesakit. Ini termasuk

- 3.1 ketenatan pesakit
- 3.2 jarak tempat tinggal/ kemudahan pengangkutan
- 3.3 punca rujukan
- 3.4 tujuan rujukan
- 3.5 keadaan emosi pesakit/keluarga

Pegawai perubatan hendaklah memberikan penilaian keatas perkara diatas walaupun ketenatan penyakit masih menjadi kriteria utama kemasukan. Pemeriksaan dan siasatan terliiti terhadap semua pesakit hendaklah diutamakan

4. Kes berkemuskilan

Untuk kes-kes yang berkemuskilan, adalah dinasihatkan supaya kemasukan dibuat. Pendapat pesakit hendaklah diberi penilaian sewajarnya dalam kes tersebut. Kes-kes tesebut seboleh-bolehnya hendaklah dilihat oleh pegawai perubatan disiplin yang terlibat untuk pendapat kedua untuk hospital berkhidmatan pakar atau pegawai perubatan atas panggilan pasif untuk hospital tanpa pakar. Hospital tanpa pakar juga digalak untuk mendapat pendapat pegawai perubatan disiplin hospital rujukannya. Jika keputusan masih tidak dapat dibuat, pendapat pakar disiplin/pakar jabatan kecemasan berkenaan hendaklah diperolehi.

5. Tindakan lanjutan

Pihak Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri adalah ditanggung jawabkan supaya perkeliling ini dapat dilaksanakan disemua hospital negeri tersebut. Segala masalah mengenai perlaksanaan sila kemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
(UP: Dr Bahari Bin Che Awang Ngah)

Sekian. Terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(Datu' (DR) MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

CARTA ALIRAN PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMASUKKAN PESAKIT KEDALAM HOSPITAL

